



SHAMSUDDIN



PEJABAT Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia di Kuala Lumpur sentiasa menjadi tumpuan pencari kerja.

Berdasarkan pengamatan saya, murid-murid yang pernah mengikuti pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris berupaya untuk memahami bahasa berkenaan dengan lebih baik

SHAMSUDDIN

Lemah bahasa Inggeris punca gagal

KOSMO 4/6/12 MS 6

Oleh LUQMAN RIDHWAN
luqman.ridhwan@kosmo.com.my

KEBOLEHAN berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Inggeris biasanya menjadi kayu pengukur dalam sesi temu duga oleh majikan khususnya jika pengambilan itu dibuat oleh sektor swasta.

Kegagalan bertutur dengan baik dalam bahasa universal itu dilihat mengurangkan potensis seseorang itu mendapat pekerjaan.

Senario itu menghantui graduan institusi pengajian tinggi tempatan ekoran kira-kira 90 peratus peluang pekerjaan di negara ini hanya ditawarkan oleh majikan dalam sektor swasta.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, Shamsuddin Bardan berkata, dalam sektor swasta, keupayaan bertutur dalam Bahasa Inggeris dijadikan keutamaan dan graduan yang sedang mencari pekerjaan perlu bersedia memenuhi prasyarat tersebut.

Menurutnya, ia merupakan perkara wajib yang dinilai terlebih dahulu oleh majikan pada sesi temu duga.

“Sebagai contoh, kalau dahulu seorang jurutera dalam sektor pembuatan hanya perlu memastikan keperluan dari segi teknikalnya semua berjalan dengan baik.

“Namun sekarang kita memerlukan jurutera yang boleh berkomunikasi dengan pelanggan serta menjelaskan kepada mereka bagaimana barang-barang itu berfungsi,” katanya baru-baru ini.

Menurut Shamsuddin, kekurangan graduan yang berkebolehan untuk berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam bahasa Inggeris kini dilihat semakin serius.

Malah tidak wujud lagi mekanisme yang menyokong graduan untuk meningkatkan kemahiran mereka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris daripada peringkat asas lagi.

“Kita pernah ada polisi yang menuntut mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris tetapi malangnya selepas tujuh tahun ia dilaksanakan program berkenaan dihentikan kerajaan.

“Sebenarnya kalau kita melihat kitaran untuk pelajaran dan pembelajaran ini, ia memerlukan

sekurang-kurangnya 15 tahun sebelum kita dapat melihat kesannya sama ada positif atau negatif,” katanya.

Jelasnya, ia kerana seorang murid menghabiskan masa enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah serta tambahan kira-kira empat tahun di kolej atau universiti.

“Berdasarkan pengamatan saya, murid yang pernah mengikuti pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris berupaya untuk memahami bahasa berkenaan dengan lebih baik.

“Namun, oleh kerana keadaan telah bertukar saya percaya murid sekarang yang berada dalam tingkatan tiga atau darjah enam lama-kelamaan tidak akan memberi keutamaan dalam bahasa Inggeris dan mereka tidak berupaya untuk berkomunikasi dengan baik dalam bahasa itu,” ujarnya.

Kelemahan keduanya, menurut Shamsuddin, berkaitan dengan ketidakupayaan graduan berkenaan untuk memberikan idea bagi menyelesaikan sesuatu isu yang timbul.

Katanya, graduan yang baharu bekerja tidak agresif menangani permasalahan di tempat kerja

dan gagal menyelesaikannya.

“Apabila mereka datang pada suatu temu duga, kecemerlangan akademik bukan satu-satunya ciri kemahiran yang dipandang.

“Sebab itu, kita dapat lihat ada antara pekerja dalam sektor swasta yang tidak mempunyai ijazah tetapi mampu untuk memegang jawatan penting,” ujarnya.

Justeru, perkara paling mustahak yang perlu diberi perhatian adalah keupayaan seseorang graduan untuk menyelesaikan masalah dan cabaran yang timbul tidak kira apa jua situasi.

Dalam pada itu, beliau berkata, antara kelemahan yang sering dikesan di kalangan graduan masa kini adalah kegagalan untuk bekerja sebagai satu pasukan.

Lebih buruk, mereka gagal untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran tempat kerja yang baharu diterokai.

“Dalam sektor swasta agak sukar untuk kita bekerja sebagai satu individu jadi penekanan yang lebih harus diberikan kepada bagaimana kita boleh bekerja sebagai satu pasukan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan oleh majikan,” katanya.